

## JAWATAN KOSONG



### MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

NAMA JAWATAN	PEMANDU KENDERAAN
--------------	-------------------

Kementerian/Jabatan/Badan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Berkunun/Kuasa Tempatan	:	
Kumpulan Perkhidmatan	:	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	:	KEMAHIRAN
Gred Jawatan	:	H11
Jumlah kekosongan	:	DUA (2)
Jadual Gaji	:	RM1,218.00 - RM2,939.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	:	RM80.00
Jabatan	:	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Taraf Jawatan	:	KONTRAK

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) i. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - ii. lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
  - iii. berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini. Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
    - a. Lesen D: RM1,264.15
    - b. Lesen E/E1/E2: RM1,310.30
    - c. Lesen F/H: RM1,356.45
    - d. Lesen G/I: RM1,402.60

## DESKRIPSI TUGAS

Bertugas menjalankan skop kerja pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan. Juga menjaga kenderaan atau jentera yang berada di bawah kelolaannya agar selalu berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan atau jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, *dumper*, *roller* dan traktor pertanian.

## CARA MEMOHON

- 1) Permohonan hendaklah secara atas talian melalui pautan / link berikut :  
<https://ikerja.kedah.gov.my>
- 2) Tarikh Tutup Permohonan: **23 JANUARI 2023**

## CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya